



Sabah News Today Portal #1

Portal Berita Tentang Sabah

NASIONAL

UMS Terus Ke Hadapan Membina Kecemerlangan Ilmu

🕒 4 months ago 🗨️ 0 🕒 5 mins



KOTA KINABALU: Lawatan singkat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustain Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah di negeri Sabah bersama rombongan baginda dalam Kembara Kenali Borneo baru-baru ini banyak rahmah dan hikmahnya.

Pelbagai aksi lucu yang disantuni kemesraan yang sangat akrab ditunjukkan oleh rakyat Malaysia di negeri Sabah di segala ceruk yang dilalui.

Berhujan dan berpanas, anak-anak kecil, inan dan beliau (orang tua) serta orang-orang kampung dan warga sekolah hinggalah ke pekerja pasar raya dan kakitangan organisasi kerajaan tidak melepaskan peluang menanti dengan penuh keterujaan ketibaan rombongan ini.

Kendatipun begitu, mereka yang berbaris di sepanjang jalan rasa terhibur dengan apa yang mereka lakukan dengan ikhlas demi ingin menatap sendiri wajah-wajah yang disayangi oleh mereka.

semua.

Singkat tapi amat bermanfaat. Rata-rata menerusi luahan warga maya dan rakyat menyuarakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong serta keluarga baginda akan kembali lagi melawat Sabah yang amat memerlukan Daulat Tuanku.

Malah, ada yang sempat bergurau, agar kembara ini dipanjangkan lagi tempohnya.

Warga UMS turut berkesempatan berbaris di tepi jalan menanti kenderaan yang dinaiki oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku melalui hadapan pintu gerbang UMS.

Hatta, terdapat dalam kalangan warga UMS ini sanggup memandu ke kawasan strategik agar dapat melihat dengan jelas rombongan baginda.

Nilah perasaan cinta dan kasih yang tinggi kepada pemimpin yang telah tersemai dalam organisasi UMS sejak dahulu sehingga kini.

Semangat ketaatan yang tinggi kepada pemimpin sentiasa diterapkan dalam kalangan warga UMS disebabkan pemegang taruh universiti adalah dalam kalangan pemimpin, yakni pelajar yang datang dari seluruh negeri di Malaysia dan sebahagian besar darinya adalah dari negeri Sabah, di samping sejumlah pelajar antarabangsa dari pelbagai negara di seluruh dunia.

Majlis Konvokesyen UMS yang bakal diadakan dari 11 hingga 14 Disember 2023 ini kelak adalah buat kali yang ke-25.

Ini bermaksud bahawa, telah ramai alumni universiti ini yang telah dan sedang membina kerjaya mereka di pelbagai sektor dan ada yang memilih untuk menjadi usahawan berjaya.

Ketinggian perwatakan kepimpinan mereka ini adalah hasil daripada dedikasi para pensyarah dan keprihatinan pentadbir serta kakitangan sokongan di universiti ini.

Nilah yang terus diperkasa dan diupaya oleh Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor, Naib Canselor UMS yang ke-7.

Dalam setahun, UMS telah mendapat sokongan dana penyelidikan sebanyak RM25 juta tidak termasuk peruntukan dalam bentuk *in-kind*, dan terbaru, UMS buat kali pertama berjaya memperoleh markah penuh 100% dan penarafan lima bintang bagi Penilaian Kualiti Data MyMoheS 2023 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

Suatu kejayaan yang unggul. Fakta ini jelas menunjukkan, dalam masa yang singkat, rahmah dan hikmah menonjolkan berkat seorang pemimpin.

Salah satu daripada kejayaan yang dicapai ini adalah kerana kekuatan hubungan kerajaan negeri dan persekutuan, khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah dicorakkan oleh Dr. Kasim Mansor.

Penulis,

Dr. Jakaria Dasan,

Pengarah Komunikasi Korporat, Universiti Malaysia Sabah (UMS).



Kongsi Berita Ini



« Previous:

Undang-undang berkaitan kesalahan penyalahgunaan dadah akan dikaji – Azalina

Next: »

Penyelia Jururawat QEH derma organ, selamatkan tiga nyawa pesakit

Related News



Warisan sambut baik kejayaan polis tumpaskan sindiket dadah di Sabah dan nafi tuduhan liar

Admin 2 days ago 0



Komuniti nelayan Kampung Keniogan Beluran jadi mangsa projek 'sakit' BELB Solar Hibrid

Admin 2 days ago 0



Perutusan Hari Krismas : Hajiji gesa rakyat Sabah bersama-sama meraikan kepelbagaian dan kepercayaan

Admin 5 days ago 0

Highlights



SUKAN

Piala AFC: Sabah FC tewaskan Hougang United FC dari Singapura 3-1

5 days ago



SUKAN

Piala AFC: Sabah FC pandang mudah perl menentang Kelab Sir Hougang United FC



SUKAN

Liga Super: Sabah FC mata dengan Terengganu FC, kekalkan rekod tanpa Stadium Likas

🕒 5 days ago

SUKAN

Liga Super: Sabah FC Tewaskan Perak FC 3-1

🕒 5 days ago

Search

SEARCH

Jenayah



Jenayah

Kes curi motorsikal di Balung berjaya diselesaikan

TAWAU : Dua suspek warga asing telah ditahan selepas dipercayai terlibat kes mencuri motor di Kampung Balung Cocos, dekat sini, baru-baru ini. Ketua Polis Daerah Tawau, ACP Jasmin Hussin berkata, seorang lelaki mendapati motorsikal jenis Yamaha LC 135 miliknya yang diletakkan di kawasan kediaman telah hilang dipercayai dicuri. Katanya, mangsa telah membuat laporan polis di...



Jenayah

Polis: Ketua sindiket dadah bergelar Datuk ditahan di Sabah

KUALA LUMPUR : Ketua sindiket dadah bergelar 'Datuk' antara 10 lelaki ditahan di Sabah kerana disyaki terlibat dalam sindiket pengedaran dadah terbesar di negeri itu. Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay berkata kesemua suspek yang berumur lingkungan 36 hingga 48 tahun itu ditahan semalam dalam operasi khas pada 2.30 pagi. Beliau...



Mayat kanak-kanak dikhuatiri lemas di Tawau ditemui

TAWAU : Mayat kanak-kanak lelaki berusia 2 tahun yang dikhuatiri lemas akibat terjatuh di muara sungai di Kampung Kurnia Jaya, Jalan Apas, Batu 4, di sini telah ditemui, pagi tadi. Komander Operasi, PBK II Mohd Yahya Abdul Fattah berkata, mayat Adwa Iman Muhammad Iswan ditemui oleh orang awam lebih kurang 200 meter dari lokasi mangsa...


Sukan



Sukan

Sabah FC tewaskan Kedah Darul Aman FC, tamatkan saingan Liga Super 2023 dikedudukan ketiga

KOTA KINABALU: Sabah FC memintas Kedah Darul Aman dikedudukan ketiga Liga Super selepas menewaskan pasukan itu 2-0 di Stadium Likas di sini, malam ini. Perlawanan malam ini adalah perlawanan terakhir kedua-dua pasukan pada saingan Liga Super 2023. Sabah FC bermula dengan baik apabila menjaringkan gol awal menerusi Irfan Fazail pada minit ke-7 selepas menerima hantaran...



Sukan

Tiga pemain Sabah FC tandatangan kontrak setahun, 19 pemain kekal

KOTA KINABALU: Rawilson Batuil, Umareng Bachok dan Ramon Machado tandatangani kontrak setahun dengan Sabah FC, 19 lagi pemain masih kekal sehingga musim depan. Majlis diadakan di salah sebuah hotel di sini, hari ini pada Majlis Hi-Tea Bersama Sabah FC. Mereka mendatangi kontrak disaksikan oleh Presiden Persatuan Bola Sepak Sabah Datuk Ir. Shahelmey Yahya yang juga...



Sukan

Ketua Kampung Likas membuat penampilan terakhir bersama Sabah FC menentang Kedah di Stadium Likas malam ini

KOTA KINABALU : Pemain Sabah FC Mohd Amri Yahya akan membuat penampilan terakhir menentang Kedah Darul Aman selepas bersama tiga musim bermula 2021 hingga 2023. Dikenali sebagai 'Wak Am' sebagai pemain professional sepanjang bermain bersama pasukan Sabah FC, beliau sentiasa menjadi role model kepada pemain lain atas komitmen serta kesungguhan apabila turun bermain. "Saya dikenali..."